

23/06/1998

Pra-Sukan Komanwel: Persatuan diarah serah laporan penuh

Hussain Said

PENGANJUR Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98) serta persatuan sukan diarah mengemukakan laporan menyeluruh mengenai penganjuran pra-Sukan Komanwel.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin berkata laporan itu harus meliputi segala aspek supaya masalah atau kekurangan yang dikenalpasti boleh diatasi menjelang temasya sebenar, September nanti.

"Kita harap laporan yang dikemukakan nanti akan menjadi panduan penting untuk mengatasi setiap kekurangan dan kelemahan yang dikenalpasti. Jadi, kita mempunyai masa sekurang-kurangnya dua bulan untuk mengatasi setiap masalah.

"Bagaimanapun, setakat ini, saya masih belum terima laporan daripada beberapa acara pra-Sukan Komanwel yang sudah dijalankan.

"Tetapi saya fikir kita berada di landasan tepat untuk menganjurkan temasya itu kerana saya tidak menerima sebarang laporan atau membaca rungutan ketika penganjuran beberapa acara terbabit," katanya semalam.

Dia berkata demikian selepas melancarkan 'Warna-Warna Kuala Lumpur '98' sempena Kuala Lumpur '98 di Auditorium Besar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Daripada 15 acara Sukan Komanwel yang dianjurkan negara, hanya tiga acara pra-Sukan Komanwel sudah dijalankan iaitu tinju di Stadium Melawati Shah Alam, ragbi (Stadium Kelana Jaya) dan badminton (Stadium Badminton Kuala Lumpur).

Acara angkat berat pula sedang berlangsung di Pusat Pameran dan Konvesyen Mines.

Manakala acara selebihnya dijadualkan berlangsung bulan depan serentak dengan pembukaan rasmi Kompleks Sukan Negara (KSN) Bukit Jalil oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 11 Julai nanti.

Sementara itu, Muhyiddin berkata daripada 23 gelanggang yang akan digunakan ketika temasya itu, hanya stadium hoki wanita di Lembah Pantai belum siap sepenuhnya.

"Setakat ini, 86 peratus sudah siap. Jadi, kontraktor stadium terbabit tidak mempunyai pilihan lain selain menyiapkannya penghujung bulan ini.

"Malah saya mahukan pengurus gelanggang Sukom '98 supaya mula memasuki stadium itu untuk memasang peralatan yang diperlukan. Kita tidak boleh tunggu mereka (kontraktor) kerana kita mahu menguji gelanggang," katanya.

(END)